

PM jelaskan maksud kampung contoh

PELABUHAN KE-LANG, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan "kampung contoh" yang dimaksudkan ialah perkampungan bersih dengan alam sekelilingnya yang indah dan penghuninya rajin, tekun bekerja.

"Kampung contoh" bukanlah kawasan perumahan yang dibina oleh kerajaan seperti yang dianggap oleh kebanyakan orang, katanya ketika merasmikan bangunan Umno cawangan Pelabuhan Kelang di sini.

"Ramai orang tersalah anggap dengan saranan saya seolah-olah kam-

pung contoh ini hendaklah dibina oleh kerajaan dan kemudian memberikannya kepada orang ramai.

"Tanggapan begini adalah salah kerana apa yang saya maksudkan penduduk sendiri hendaklah membina kampung contoh dengan menjaga kebersihan dan keindahan kawasan rumah meskipun kedudukannya jauh di luar bandar," ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, tidak ada faedahnya kerajaan membina rumah dan kawasan kampung contoh kemudian memberikannya kepada orang ramai sedangkan kebersihan dan keindahan kawasan itu tidak dijaga.

"Mungkin ada orang

akan mengharap kerajaanlah patut menjaga kebersihan kampung contoh kerana ia dibina oleh kerajaan," tegasnya.

Katanya, zaman dulu kampung seperti itu wujud di seluruh negara dan penduduk-penduduknya menjaga kebersihan dan mengekalkan keindahan alam semula jadinya yang boleh dipandang segar dan bersih.

"Inilah maksud sebenar kampung contoh yang saya cadangkan supaya diwujudkan di seluruh negara dan bukannya kerajaan yang harus menyediakan rumah serta kawasannya.

Perdana Menteri berharap rakyat menjaga kebersihan kampung dan kawasan masing-masing supaya seluruh negara

akan bersih dan indah seterusnya melambangkan penduduknya yang sentiasa mengamalkan sikap bersih.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali berkata Kerajaan Selangor akan menjadikan Kampung Keretapi di sini sebagai salah sebuah kampung contoh di negeri ini tidak lama lagi.

Katanya, cadangan untuk membina kampung contoh di Selangor telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri yang bersidang baru-baru ini dan akan dilaksanakan secepat mungkin.

"Pertimbangan berat yang saya berikan kepada Kampung Keretapi berdasarkan kedudukan kampung ini terletak di pintu masuk para pelancong dari laut ke Selangor," katanya di majlis perasmian Bangunan UMNO Cawangan ini di sini hari ini.

Dengan adanya kampung contoh berhampiran pelabuhan, katanya, pelancong akan mendapat gambaran indah mengenai negara ini.

Menurutnya, kampung contoh tidak hanya sebagai "pameran" atau sesuatu untuk pertunjukan semata tetapi penghuninya juga mestilah mempunyai semangat dinamik, ingin maju serta rela bekerja kuat bagi mendapatkan kesejahteraan hidup.

"Saya berharap dari kampung contoh ini akan lahirlah teladan bangsa yang sentiasa mencari kemajuan untuk dicontohi oleh lain-lain kampung contoh di seluruh negara," katanya.

Menurut beliau, kampung contoh yang berunsurkan kebudayaan Melayu dan terletak di bandar tetapi penduduknya akan dapat terus mengökalkan ciri-ciri kehidupan di luar bandar.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5772
No. Penerimaan 89 / 86